



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

E-BULETIN

JANUARI, FEBRUARI, DAN MAC 2024



1
2
3

Majlis Peluncuran Pangkalan Data Utama (PADU) bersama YAB Perdana Menteri Malaysia

Tarikh : 2 Januari 2024 (Selasa)

Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Pada 2 Januari 2024 (Selasa), Majlis Peluncuran Pangkalan Data Utama (PADU) Bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah berlangsung bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

PADU merangkumi profil individu yang mengandungi maklumat asas demografi, alamat, pendidikan, isi rumah, pekerjaan, pendapatan, komitmen, dan bantuan yang diterima.

Turut diadakan ialah pembentangan mengenai PADU oleh YBhg. Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia dan forum bertajuk "Memacu Peralihan Melalui PADU".



Sesi Pembentangan Draf Laporan Akhir Kajian Kewajaran Cadangan Penggubalan Akta Pembelaan Awam Bersama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 4 Januari 2024 (Khamis)
Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU.



Majlis Perjumpaan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bagi Bulan Januari 2024

Tarikh : 8 Januari 2024 (Isnin)
Tempat : Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI

Pada 8 Januari 2024 (Isnin), Majlis Perjumpaan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bagi Bulan Januari 2024 telah diadakan bertempat di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI. Turut hadir ialah YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud, Ketua Pengarah BHEUU serta barisan pegawai-pegawai BHEUU.



Sesi Perjumpaan Khas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama YB Menteri Pendidikan Malaysia

Tarikh : 9 Januari 2024 (Selasa)
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, KPM

Pada 9 Januari 2024 (Selasa), Sesi Perjumpaan Khas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama YB Menteri Pendidikan Malaysia telah berlangsung bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perjumpaan Khas ini adalah bertujuan bagi membincangkan isu berkaitan Kesedaran Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak di Malaysia dan Mekanisme Pelaporan yang berkaitan dengannya bersama-sama wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Suruhajaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 15 Januari 2024 (Isnin)
Tempat : Dewan Saksama, BHEUU



Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) telah berlangsung pada 15 Januari 2024 (Isnin) bertempat di Dewan Saksama BHEUU.



Sesi Perbincangan Meja Bulat Berkaitan Cadangan Penyertaan Malaysia Dalam Meratifikasi Konvensyen Lanzarote

Tarikh : 16 Januari 2024 (Selasa)
Tempat : AIAC, Kuala Lumpur



Perjumpaan YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Pengarah BHEUU Bersama Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara

Tarikh : 22 Januari 2024 (Isnin)
Tempat : Pejabat Ketua Setiausaha Negara



Majlis *Clock-out* YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud, Mantan Ketua Pengarah BHEUU

Tarikh : 22 Januari 2024 (Isnin)
Tempat : Lobi BHEUU

Majlis *Clock-out* YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud, Mantan Ketua Pengarah BHEUU telah diadakan di Lobi Bangunan Hal Ehwal Undang-undang.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud atas sumbangan dan segala jasa bakti sepanjang berkhidmat sebagai Ketua Pengarah BHEUU. Seluruh warga Bangunan Hal Ehwal Undang-undang mendoakan semoga YBhg. Dato' Sri terus maju dan cemerlang di masa hadapan.



Majlis Penyerahan Kerja-kerja Naik Taraf, Ubahsuai dan Pemuliharaan Bangunan Istana Kehakiman Putrajaya

Tarikh : 23 Januari 2024 (Selasa)
Tempat : Istana Kehakiman Putrajaya



Program Makan Tengah Hari Bersama Ketua-Ketua Perwakilan Kesatuan Eropah

Tarikh : 23 Januari 2024 (Selasa)
Tempat : AIAC, Kuala Lumpur

Program Makan Tengah Hari bersama Ketua-Ketua Perwakilan Kesatuan Eropah berhubung Taklimat Perkembangan Isu Tuntutan Pihak Yang Mendakwa Waris Sultan Jamalul Kiram I (Sultan Sulu) Terhadap Malaysia dan Third Party Litigation Funding (TPLF) telah berlangsung pada 23 Januari 2024 (Selasa) bertempat di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia, Kuala Lumpur.



Majlis Pelancaran Van *Justice on Wheels* Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Lawatan ke Mahkamah Bergerak Sabah

Tarikh : 25 Januari 2024 (Khamis)
Tempat : Kota Kinabalu, Sabah



Sesi Pembentangan Laporan Negara bagi Penilaian Berkala Sejangat (*Universal Periodic Review – UPR*) ke-44 di Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva, Switzerland

Tarikh : 25 Januari 2024 (Khamis)
Tempat : Geneva, Switzerland



Sesi *Clock-in* YBrS. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU

Tarikh : 2 Februari 2024 (Jumaat)
Tempat : Pejabat Ketua Pengarah BHEUU

Sesi *Clock-in* YBrS. Tuan Zamri bin Misman telah berlangsung pada 2 Februari 2024 (Jumaat) bertempat di Bangunan BHEUU sebagai simbolik hari pertama dan secara rasminya memulakan tugas sebagai Ketua Pengarah BHEUU. Setinggi-tinggi Ucapan Tahniah dan Selamat Datang buat YBrS. Tuan Zamri bin Misman atas pelantikan dan Selamat Menjalankan Tugas.



Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara Tahun 2024, "Kitalah Benteng Malaysia"

Tarikh : 13 Februari 2024 (Selasa)
Tempat : Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI

Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali Tahun 2024 yang bertemakan "Kitalah Benteng Malaysia" telah berlangsung pada 13 Februari 2024 (Selasa) bertempat di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI.



YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN memaklumkan dalam majlis ucapan amanat tersebut bahawa semua penjawat awam akan mula dinilai menggunakan Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP) bermula tahun ini dan ianya telah dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tujuan sistem ini diperkenalkan adalah sebagai kaedah penilaian baharu untuk memastikan penilaian atas keupayaan dan kesungguhan pegawai dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA); YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara; YAA Dato' Haji Mohd Amran bin Haji Mat Zain, Ketua Hakim Syarie; YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; YBrs. Tuan Zamri Bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU serta Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian; Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan penjawat awam.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri UURI dan Ketua Pengarah BHEUU menghadap dan Menyembah Maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim

Tarikh : 14 Februari 2024 (Rabu)
Tempat : Istana Negara, Kuala Lumpur

Pada 14 Februari 2024 (Rabu), YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU telah menghadap dan menyembah maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenaan cadangan Kerajaan mengenai penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk Mengkaji Pengendalian Perkara berkaitan dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan selaras dengan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119]. Turut serta ialah YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU serta Pegawai-Pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.



Lawatan Kerja Rasmi YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke Jabatan Insolvensi (Mdl) Negeri Perak

Tarikh : 14 Februari 2024 (Rabu)
Tempat : Jabatan Insolvensi Negeri Perak



Lawatan Pemantauan dan Mesyuarat Pemantauan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan Kerja Naik Taraf Mahkamah Keningau, Sabah

Tarikh : 14 Februari 2024 (Rabu)
Tempat : Mahkamah Keningau, Sabah



Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke Tapak Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

Tarikh : 15 Februari 2024 (Khamis)
Tempat : Mahkamah Baharu Ampang, Selangor



Sesi Menandatangani Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*) Kepada Perjanjian Tuan Rumah (*Host Country Agreement (HCA)*) Berkaitan AIAC antara Kerajaan Malaysia dan AALCO

Tarikh : 20 Februari 2024 (Selasa)
Tempat : Bangunan Hal Ehwal Undang-undang

Pada 20 Februari 2024 (Selasa), Sesi Menandatangani Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*) Kepada Perjanjian Tuan Rumah (*Host Country Agreement (HCA)*) Berkaitan AIAC antara Kerajaan Malaysia dan AALCO telah diadakan bertempat di Bangunan Hal Ehwal Undang-undang.

YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) telah mempengerusikan Sesi Menandatangani Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Tuan Rumah Berkaitan AIAC antara Kerajaan Malaysia dan AALCO. Turut serta ialah YBhg. Datuk Almalena Sharmila Dato' Dr. Johan, Peguam Cara Negara dan YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU.



Lawatan Gabungan Mahasiswa Anak Johor (GAJ) ke Parlimen Malaysia Bersama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 29 Februari 2024 (Khamis)
Tempat : Bangunan Parlimen Malaysia



Bengkel Prosedur Urusan Lembaga Pengampunan dan Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Bilangan 1 Tahun 2024

Tarikh : 4 Mac 2024 (Isnin)
Tempat : -

Pada 4 Mac 2024 (Isnin), Bengkel Prosedur Bagi Urusan Lembaga Pengampunan dan Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pembangunan Negeri Bilangan 1 Tahun 2024 telah diadakan dan dirasmikan oleh YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Sulit Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, Jabatan Negara, Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri. Bengkel ini diadakan bagi membincangkan serta mengemaskini prosedur sedia ada serta carta alir pengurusan Lembaga Pengampunan.



Kursus Asas Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Tahun 2024

Tarikh : 7 Mac 2024 (Khamis)
Tempat : Bilik Latihan ICT, Aras 4, BHEUU

Kursus Asas Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Tahun 2024 anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) telah diadakan pada 7 Mac 2024 (Khamis) bertempat di Bilik Latihan ICT, Aras 4, BHEUU. Kursus ini diadakan bertujuan untuk menerangkan mengenai modul pengenalan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) kepada Pegawai Penyelaras Aduan Seksyen/ Unit di BHEUU.



Lawatan Kerja Ketua Pengarah BHEUU ke Bangunan Mahkamah Pengerang, Johor

Tarikh : 7 Mac 2024 (Khamis)
Tempat : Mahkamah Pengerang, Johor

Pada 7 Mac 2024 (Khamis), YBr. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU telah turun padang untuk membuat Lawatan Kerja Rasmi ke Bangunan Mahkamah Pengerang, Johor. Lawatan yang turut disertai oleh pasukan Projek Jabatan Kerja Raya (JKR), Seksyen Pembangunan BHEUU, dan kontraktor utama ini adalah bertujuan untuk membuat pemantauan terhadap perkembangan pembinaan Mahkamah tersebut.



Wawancara Eksklusif Selamat Pagi Malaysia: Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual Bersama Ketua Pengarah BHEUU

Tarikh : 15 Mac 2024 (Jumaat)
Tempat : Radio Televisyen Malaysia (RTM), KL

Wawancara Eksklusif Selamat Pagi Malaysia: Perlindungan Murid daripada Eksploitasi Seksual bersama YBr. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU telah berlangsung pada 15 Mac 2024 (Jumaat).



Tujuan temubual ini adalah untuk membahas mengenai kepentingan memberikan kesedaran kepada para pendidik khususnya bagi melaporkan kemungkinan semua jenis kesalahan seksual terhadap kenak-kanak di bawah seliaan para pendidik dan bagi membuat hebahan bagi Konvensyen Kebangsaan mengenai Perlindungan Murid daripada Eksploitasi Seksual yang akan diadakan pada 16 Mac 2024 (Sabtu).

Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual

Tarikh : 16 Mac 2024 (Sabtu)
Tempat : SUK Selangor, Shah Alam

Pada 16 Mac 2024 (Sabtu), Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual telah diadakan bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor.



Konvensyen anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK Selangor), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan tema "Jangan Diam, Laporkan Keganasan" ini bermatlamat untuk memberikan kesedaran kepada para pendidik mengenai kepentingan melaporkan semua jenis kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang di bawah seliaan mereka serta menekankan kepentingan terbaik untuk mencegah dan melindungi mangsa serta mendakwa si pelaku.

Majlis turut disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor merangkap EXCO Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, bersama-sama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), dan YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan.

Sesi Libat Urus YB Menteri UURI bersama Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara Mengenai Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023

Tarikh : 18 Mac 2024 (Isnin)
Tempat : Parlimen Malaysia

Sesi Libat Urus YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara mengenai Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 telah diadakan pada 18 Mac 2024 (Isnin) bertempat di Bangunan Parlimen Malaysia.

Turut hadir bagi sesi tersebut ialah YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi); YBhg. Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan, Peguam Cara Negara; YBrs. Tuan Zamri Misman, Ketua Pengarah BHEUU dan YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU.



Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Atas Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Tinggi

Tarikh : 18 Mac 2024 (Isnin)
Tempat : Istana Negara, Kuala Lumpur



Ceramah Ihya' Ramadan 1445H, "Tarbiyah Ramadan: Persediaan Membangun Ummah Akhir Zaman"

Tarikh : 19 Mac 2024 (Selasa)
Tempat : Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU



Bacaan Kedua, Perbahasan Dan Penggulungan Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing

Tarikh : 19 Mac 2024 (Selasa)
Tempat : Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur



Penggulungan Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 telah berlangsung pada 19 Mac 2024 (Selasa) di Parlimen Malaysia oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi). Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas buat semua yang terlibat dan yang telah bertungkus-lumus bagi menjayakan pembentangan RUU ini.



KUNJUNGAN HORMAT

BAGI BULAN
JANUARI, FEBRUARI, DAN MAC 2024

Kunjungan Hormat daripada TYT Mr. Axel Cruau, Duta Besar Perancis ke Malaysia ke atas YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 4 Januari 2024 (Khamis)

Tempat : Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang dan Reformasi Institusi)



Kunjungan Hormat daripada Tuan Simon Fellows, Timbalan Duta Besar Australia ke atas YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 24 Januari 2024 (Rabu)

Tempat : Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang dan Reformasi Institusi)



Kunjungan Hormat daripada TYT Tuan B.N. Reddy, Duta Besar India ke Malaysia ke atas YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 24 Januari 2024 (Rabu)


Tempat : Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)



Kunjungan Hormat YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke atas YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah

Tarikh : 25 Januari 2024 (Khamis)

Tempat : Pejabat Ketua Menteri Sabah



Kunjungan Hormat daripada YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU ke atas YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 2 Februari 2024 (Jumaat)

Tempat : Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang
dan Reformasi Institusi)



Kunjungan Hormat daripada Puan Clare Gatehouse, Pemangku Duta Besar Australia ke atas YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU

Tarikh : 8 Februari 2024 (Khamis)

Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU



Kunjungan Hormat daripada YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU ke atas YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 8 Februari 2024 (Khamis)

Tempat : Pejabat YB Timbalan Menteri UURI



Kunjungan Hormat oleh YBhg. Datuk Shahrul Kamal bin Osman, Pengarah Bahagian Pengurusan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia ke atas YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU

Tarikh : 9 Februari 2024 (Jumaat)

Tempat : Pejabat Ketua Pengarah BHEUU



Kunjungan Hormat oleh YBrs. Tuan Zamri bin Bakar, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Pengurusan Tertinggi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia ke atas YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Tarikh : 20 Februari 2024 (Selasa)

Tempat : Pejabat YB Timbalan Menteri UURI, BHEUU



Kunjungan Hormat oleh YBrs. Tuan Zamri bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU ke atas Yang Arif Puan Rihaida binti Rafie, Pengarah Mahkamah Negeri Johor dan lawatan kerja naik taraf di Kompleks Mahkamah Johor Bahru, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru

Tarikh : 6 Mac 2024 (Rabu)

Tempat : Kompleks Mahkamah Johor Bahru



Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel: 03-88851000 / 03-88851048

    @bheuuipm  www.bheuu.gov.my